

'Tumpu kesejahteraan sepanjang hayat rakyat'

BERITA HARIAN 18 JUN 2025 m/s. 3

Kuala Lumpur: Malaysia akan memberi penekanan lebih besar kepada pelaburan dalam kesihatan, terutama membabitkan penjagaan pencegahan, pendidikan kesihatan awam dan sistem sokongan berasaskan komuniti.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, negara perlu beralih daripada sistem yang merawat penyakit kepada sistem yang menggalakkan kesejahteraan sepanjang hayat untuk rakyat.

Beliau berkata, ekonomi umur panjang global diunjurkan melebihi AS\$65 trilion menjelang 2030 dan jika Malaysia ingin men-

jadi peneraju yang proaktif, negara mesti melabur dalam sistem kesihatan, penjagaan sosial, perumahan, alat kewangan dan industri yang menyokong masyarakat menua.

Ketika ini juga katanya, purata jangka hayat rakyat Malaysia ialah 76 tahun, tetapi hanya 67 tahun dalam keadaan sihat, manakala selebihnya berada dalam keadaan kesihatan yang kurang baik.

"Malah, ia sudah melebar daripada 8.6 tahun pada 2000. Ini bermakna umur yang lebih panjang tidak semestinya menjamin kehidupan yang lebih baik," ka-

tanya ketika merasmikan Persidangan Kesejahteraan Sosial Antarabangsa 2025 (ISWC 2025) di sini semalam.

Laksana pelbagai agenda

Anwar berkata, kerajaan menyedari perkara berkenaan dan sudah melaksanakan pelbagai agenda seperti Kertas Putih Kesihatan yang berteraskan pencegahan, akses saksama dan reformasi menyeluruh sistem kesihatan.

Beliau berkata, peningkatan peruntukan sebanyak 9.8 peratus kepada RM45.3 bilion untuk sektor kesihatan membuktikan Ma-

laysia sedang membina asas untuk negara yang lebih sihat dan lebih berdaya tahan.

Antara inisiatif utama katanya adalah mandat kepada fasiliti kesihatan swasta dan farmasi komuniti untuk memaparakan harga ubat-ubatan, satu dasar yang menggalakkan persaingan sihat dan membantu mengurangkan perbelanjaan peribadi rakyat.

Kerajaan juga katanya sedang melindungi kewangan isi rumah dan membolehkan rakyat Malaysia mengurus penyakit kronik serta menua dengan bermaruah dan berdikari.

Beliau juga memuji usaha Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang berterusan mencari pendekatan baharu bagi meningkatkan kecukupan pendapatan persaraan rakyat Malaysia.

Anwar berkata pembabitan KWSP dengan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) lain mencerminkan perkongsian awam-swasta yang padu yang juga mampu meningkatkan infrastruktur penjagaan kesihatan, kebolehcapaian dan kualiti serta mewujudkan satu sistem yang boleh menyokong semua rakyat.